



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 26 Ogos 2022 (Jumaat)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada Pembekal-Pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	KOD BIDANG	KAEDAH PEROLEHAN
Tawaran Tender Perolehan Peralatan <i>Gas Chromatography – Tandem Mass Spectrometry (GC-MS/MS)</i> Bagi <i>National Centre For Food Safety (NCFS)</i> , Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan No. Tender:QT22000000020446	97/2022	Tarikh : 01 September 2022 (Khamis) Masa : 11.30 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Centella, Wing 3, Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan, Aras 4, Menara Prisma, Presint 3, 62100 Putrajaya Syarat: a) Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat tender. b) Hanya PENAMA di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK)/Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat tender. PENAMA wajib membawa DOKUMEN di atas bagi mengesahkan kehadiran ke sesi taklimat tender. ❖ Sebarang pertanyaan berkenaan taklimat sila hubungi: Pengarah Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 4, Menara Prisma No.26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya No. Telefon : 03 – 8885 0797 (Puan Ani Suraya Binti Hassan)	060501	Secara ePerolehan
❖ PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN – SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG <u>TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN</u>				

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **26 Ogos 2022 (Jumaat)** dengan melayari **www.eperolehan.com.my**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite**. Hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **22 September 2022 (Khamis), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) perenggan 8(x)(b)(5) dibaca bersama PP/PK2.1 Garis Panduan Penilaian Tender – Perenggan 16(b)(vii) dan PP/PK5.1 perenggan 5.1.3(x)(3) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.